

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)

SOALAN : Dato' Ngeh Koo Ham minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan berapa orang yang telah ditangkap dan didakwa di mahkamah kerana membeli beras Subsidi Super Tempatan 15 (ST15) (beras hancur 15%) kemudian mempakej semula beras berkenaan dan menjualkannya sebagai beras 5 peratus hancur untuk mengaut untung yang berlebihan

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat 55 kes pelanggaran Aku Janji sebagai Pengampit atau Penedar Beras Subsidi ST15%. Antara pelanggaran Aku Janji yang dilakukan adalah termasuk menjual beras ST15% ke gred yang lebih tinggi, tidak mempunyai stor seperti yang dilesenkan dan tidak menyelenggara rekod jualan, belian dan stok beras.

Syarikat-syarikat pemborong yang didapati melanggar Aku Janji telah dipanggil untuk sesi pendengaran di Ibu Pejabat Kawal Selia Padi dan Beras (KPB) di Putrajaya. Semasa sesi pendengaran, pihak syarikat perlu memberi penjelasan ke atas pertuduhan pelanggaran Aku Janji

program ST15% kepada Panel Sesi Pendengaran yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah PPB. Setelah sesi pendengaran, ahli panel akan membuat syor untuk diputuskan oleh Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Program Beras Subsidi ST15%.

Daripada 55 kes berkenaan, 8 syarikat telah digugurkan daripada program dan selebihnya telah diberikan amaran termasuk dikurangkan jumlah kuota.

Kementerian telah mengambil beberapa langkah pembaharuan dalam melaksanakan Program Beras Subsidi ST15% bermula Oktober 2014 seperti berikut:

- i. Penyediaan Garis Panduan Pelaksanaan Program Beras Subsidi ST15%;
- ii. Penubuhan Jawatankuasa Induk Mengenai Hal-Ehwal Industri Padi dan Beras yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian yang bertanggungjawab untuk menimbangkan permohonan mendapatkan kuota beras ST15% oleh syarikat pemborong;
- iii. Penguatkuasaan dan pemeriksaan setiap bulan ke atas pemborong yang mendapat kuota beras subsidi;
- iv. Penubuhan Pasukan Petugas Khas di peringkat Ibu Pejabat Kawalselia Padi dan Beras untuk menjalankan pemeriksaan khas ke atas pengilang, pemborong dan peruncit yang terlibat dalam pelaksanaan program beras subsidi; dan
- v. Pemerkasaan Panel Pendengaran yang dipengerusikan Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) bagi mendengar pertuduhan dan menimbangkan rayuan syarikat-syarikat yang telah melanggar akujanji berkaitan pengedaran kuota beras ST15%.